

# Tapak sampah haram diserbu

Sinar 19/12/12 MS 24

*Pejabat Tanah dan Daerah tarik balik permit kebenaran proses menambak*

**NORAFIZA JAAFAR**

**SELAYANG** - Sebuah lagi tapak pembuangan sampah haram terletak di Bukit Lagong di sini di serbu Majlis Perbandaran Selayang (MPS), malam semalam.

Serbuan yang turut dibantu anggota polis Gombak itu dibuat serta-merta selepas menerima aduan daripada penduduk berkenaan aktiviti itu selain keadaan kurang selesa penduduk sekitar yang terpaksa menghidu bau busuk.

Lokasinya yang terletak di belakang Ibu Pejabat Polis daerah Gombak dan berhampir-

an kuarters polis itu dipercayai beroperasi lebih setahun.

Penolong Penguat Kuasa MPS, C Paramasivam berkata, asalnya tapak itu hanya digunakan untuk kerja penambakan tanah sahaja tetapi disalahgunakan oleh pihak tertentu.

"Untuk mengaut keuntungan, sampah domestik turut dibuang di kawasan itu menyebabkan penduduk berhampiran berhadapan masalah bau busuk dan lalat.

"Tindakan tidak bertanggungjawab itu juga menyebabkan Pejabat Tanah dan Daerah menarik balik permit kebenaran proses tambak ta-

nah di kawasan itu dipercayai enam bulan lalu," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Dalam operasi itu, sebanyak lima lori 10 tan disita membabitkan empat lori sampah binaan dan satu lori jenis sampah domestik.

"Tindakan sitaan dilakukan di bawah Seksyen 4, Undang-Undang Kecil MPS kerana membuang sampah di kawasan yang tidak dibenarkan dan masing-masing dikenakan kompaun RM10,000.

"Operasi yang bermula jam 12 tengah malam itu dan diakhiri jam 3 pagi itu turut menutup kawasan itu dengan memasang pita kuning selain



**Antara lori yang ditahan selepas membuang sampah di tapak pembuangan haram.**

membuat lubang sebagai menghalang operasi haram itu berulang," katanya.

Beliau berkata, pemantauan dari semasa ke semasa akan dilakukan di kawasan itu se-

bagai arahan pematuhan dan sekiranya ingkar tindakan lebih tegas akan diambil. ✓